

01/01/2000

NGO perlu elak kecenderungan politik kepartian

KUALA LUMPUR, Jumaat - Badan bukan kerajaan (NGO) harus bertanggungjawab dan komited untuk memajukan rakyat di samping perlu mengelak daripada kecenderungan politik kepartian.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keamanan, persefahaman dan muhibah di kalangan rakyat pelbagai kaum adalah prasyarat untuk mencapai mutu kehidupan yang lebih baik.

"Dunia hari ini berhadapan dengan masalah seperti peperangan, kebuluran dan kemiskinan. Kemusnahan disebabkan perang, perbalahan sivil dan persengketaan, menyebabkan berjuta-juta kanak-kanak hidup melarat, malah diburukkan lagi dengan penyakit mengancam nyawa seperti Aids dan HIV," katanya.

Perdana Menteri menyampaikan ucapan dan merasmikan persidangan Rotary International District 3300 ke-65 di sini hari ini. Kira-kira 1,000 peserta termasuk dari Thailand, Taiwan, Amsterdam dan India menghadiri sidang dua hari itu.

Kelab Rotary adalah pertubuhan yang dianggotai tokoh perniagaan dan profesional, menawarkan khidmat kemanusiaan selain memupuk etika tinggi serta membantu memupuk muhibah dan keamanan.

Dr Mahathir berkata, sumbangan terpenting Kelab Rotary ialah pendiriannya untuk mengelak daripada condong kepada politik kepartian, yang membantu negara mencapai matlamat mewujudkan masyarakat harmoni.

Dengan pendirian itu, katanya, Kelab Rotary menjalankan tugas dan tanggungjawabnya kepada masyarakat Malaysia tanpa membangkitkan perasaan iri hati di kalangan pelbagai kumpulan kaum atau politik.

Dr Mahathir yang juga anggota Rotary ketika zaman mudanya di Alor Star berkata, perubahan pesat teknologi, kewujudan dunia tanpa sempadan dan kepesatan pengaliran teknologi memberi kesan besar kepada masyarakat.

"Oleh ini, amatlah penting bagi rakyat Malaysia bersedia mendepani perubahan itu. Yang kaya, miskin, golongan bernasib baik dan kurang bernasib baik harus diberi peluang memanfaatkan bersama akses kepada teknologi dan infrastruktur moden," katanya.

Di majlis itu, Dr Mahathir menerima anugerah Rotary Man of the Millennium daripada Rotary International District 3300.

Anugerah berkenaan sebagai menghargai sumbangan beliau kepada kemajuan dan pembangunan negara dan yang terbaru kejayaan Perdana Menteri membawa negara keluar daripada krisis ekonomi serantau.

Gabenor District 3300, Datuk Jaafar Mohd Ali, menyampaikan anugerah itu.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. District 3300 yang mempunyai 53 kelab meliputi kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia.

Dr Mahathir turut dihadiahkan kad ucapan raksasa selamat hari lahirnya ke-74 yang mengandungi tandatangan semua ahli pertubuhan itu.

(END)